

Taman eko rimba, hutan simpan Terengganu tutup hingga Feb.

KUALA TERENGGANU – Semua taman eko-rimba dan hutan simpan di Terengganu ditutup daripada sebarang aktiviti riadah dan rekreasi selama tiga bulan sehingga akhir Februari tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Terengganu, Datuk Razali Idris

berkata, penutupan sejak Jumaat lalu berikutan ketibaan Monsun Timur Laut (MTL).

Beliau berkata, semua aktiviti rekreasi, pendakian, pemanduan kenderaan pacuan empat roda dan sebagainya tidak dibenarkan dilakukan di dalam taman eko-rimba dan hutan simpan terbabit sepanjang tempoh tersebut.

“Antara terlibat ialah Air Terjun Menderu; Rimba Bandar Bukit Bauk; Air Terjun Chemerong, Dungun.

“Selain itu, Lata Belatan Hutan Simpan Gunung Tebu dan Lata Tembakah, Besut dan Hutan Lipur Sekayu, Hulu Terengganu juga ditutup sehingga 28 Februari depan,” katanya di sini semalam.

Razali berkata, notis penutupan taman eko rimba tersebut sudah dikeluarkan Jabatan Perhutanan Terengganu.

Jelas beliau, ia bagi mengelakkan sebarang insiden tidak diingini ekoran ketibaan musim tengkujuh.

“Peningkatan taburan hujan sepanjang tempoh MTL bukan sahaja membawa risiko banjir

malah menyebabkan laluan licin, fenomena kepala air dan tanah runtuh di kawasan terlibat.

“Tindakan perundangan mengikut Enakmen Perhutanan Negara (Penerimaan-Pakai) 1986 boleh dikenakan terhadap pihak yang mengingkari arahan tersebut”.

“Sebarang ingkar arahan akan dikenakan tindakan,” katanya.